



IKLAN JAWATAN PENOLONG GURU TABIKA PERPADUAN GRED N11 (KONTRAK) JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL NEGERI KEDAH

1. BUTIRAN JAWATAN

a. Jawatan	:	PENOLONG GURU TABIKA PERPADUAN
b. Gred Jawatan	:	N11
c. Kumpulan Perkhidmatan	:	Sokongan
d. Taraf Jawatan	:	Kontrak
e. Agensi	:	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
f. Bilangan Kekosongan	:	Satu (1) kekosongan
g. Tempat Kekosongan	:	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Kedah

2. JADUAL GAJI GRED N1 : **P1 RM 1,216.00 - RM 2,663.00 (Min – Max)**

3. ELAUN :
i. Imbuhan Tetap Perumahan (ITP)
RM 300.00 sebulan
ii. Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA)
RM 95.00 sebulan
iii. Bantuan Sara Hidup (COLA)
- Mengikut Daerah

4. SYARAT LANTIKAN

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- 4.1 Terdiri daripada Warganegara Malaysia :
- 4.2 Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- 4.3 Pemohon mestilah LULUS Sijil Rendah Pelajaran (SRP) / Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan sekurang-kurangnya **tiga kepujian subjek utama, mendapat kepujian dalam Bahasa Malaysia dan lulus Bahasa Inggeris serta Matematik.**

5. GANJARAN

17 ½% - 13% x gaji akhir (gaji pokok) x jumlah bulan perkhidmatan ditolak dengan jumlah faedah syer dalam kerajaan (majikan) di dalam KWSP bagi tempoh bulan perkhidmatan dengan syarat pegawai menyempurnakan perkhidmatan kontrak ini dengan memuaskan.

6. CARA MEMOHON

- 6.1 Permohonan hendaklah dibuat dengan mengisi **BORANG PERAKUAN PELANTIKAN PEGAWAI KONTRAK JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL, JABATAN PERDANA MENTERI (LAMPIRAN A)** yang boleh didapati di Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Kedah / cawangan Pejabat Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional di daerah yang berdekatan atau memuat turun borang di www.jpnn.gov.my
- 6.2 Permohonan daripada Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am Bab 'A' 21 dan
- 6.3 Borang permohonan yang lengkap (**dalam 2 salinan**) dengan GAMBAR berukuran pasport dan dikepilkan dengan salinan KAD PENGENALAN, SIJIL KELAHIRAN, SIJIL-SIJIL KELULUSAN, SIJIL BERHENTI SEKOLAH dan sijil lain hendaklah dihantar kepada:

**Pengarah
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
Negeri Kedah Darul Aman
Aras 3, Zon B, Wisma Persekutuan
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Bandar Mu'adzam Shah
06550 Alor Setar
Kedah Darul Aman**

No. Telefon : 04-731 0615

- 6.4 Pengesahan dokumen perlu dilaksanakan oleh pegawai kerajaan dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional, ADUN, Imam, Mahkamah Seksyen/Pesuruh Jaya Sumpah, Penghulu atau JKKK yang diiktirafkan.

7 TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 17 Mei 2017

8 JEMPUTAN TEMUDUGA

- 8.1 Permohonan yang : (i) tidak lengkap / tidak jelas (ii) tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan, (iii) tidak disertakan dengan dokumen-dokumen yang diperlukan, (iv) tidak ditandatangani dan (v) tidak mengikut perintah Am bab 'A' 21 bagi calon-calon yang sedang berkhidmat **akan ditolak**.
- 8.2 Hanya calon yang berkelayakan dan memenuhi syarat tapisan sahaja yang akan dijemput untuk menghadiri temuduga. Mereka yang tidak dihubungi selepas tiga bulan dari tarikh iklan ini ditutup hendaklah menganggap permohonannya tidak berjaya dan
- 8.3 Segala perbelanjaan menghadiri temuduga adalah tanggungjawab sendiri dan Jabatan ini tidak akan melayan sebarang tuntutan.

Dikeluarkan oleh :

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
Negeri Kedah Darul Aman
Aras 3, Zon B, Wisma Persekutuan
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Bandar Mu'adzam Shah
06550 Alor Setar
Kedah Darul Aman

Bertarikh : 02 Mei 2016